

PREMIS DIDENDA DI MAHKAMAH SESYEN 3 DI MELAKA ATAS DUA PERTUDUHAN

26 September 2021, MELAKA - Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukum ke atas sebuah premis yang didapati menjalankan aktiviti pemerolehan kembali sisa pepejal iaitu tembaga (kuprum) tanpa kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling terlebih dahulu. Aktiviti pemerolehan kembali sisa pepejal (tembaga) adalah Aktiviti Yang Ditetapkan di dalam Jadual Pertama, Aktiviti 14(b)(ii), Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.

Premis mengaku bersalah ke atas pertuduhan yang dibacakan dan dijatuhkan hukuman denda keseluruhan sebanyak RM 20,000.00 iaitu pertuduhan pertama kesalahan di bawah Seksyen 34A(6), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan pertuduhan kedua kesalahan di bawah 5(1)(b), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka tidak akan berkompromi terhadap penjenayah yang melakukan sebarang jenis pencemaran alam sekitar. Sebarang aduan boleh hubungi di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama